

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BARU MRSM

1. SYARAT TAWARAN

- 1.1. Tawaran ini **TERBATAL** sekiranya anda tidak memenuhi syarat seperti yang berikut:
 - 1.1.1. Warganegara Malaysia.
 - 1.1.2. Memenuhi syarat kemasukan seperti yang diiklankan.
 - 1.1.3. Sihat tubuh badan **dan tidak mengidap penyakit lelah, jantung, leukemia, sawan, batuk kering atau penyakit lain yang berjangkit dan berbahaya.**
 - 1.1.4. Tiada kecacatan anggota yang boleh menghalang anda daripada mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum atau tidak berupaya naik turun bangunan.
 - 1.1.5. Memberi maklumat yang benar.

SEMASA BERADA DI MRSM JIKA DIDAPATI ANDA TIDAK DAPAT MENGIKUTI PERSEKOLAHAN DENGAN SEMPURNA ATAS SEBAB KESIHATAN, MARA BERHAK MENAMATKAN PENGAJIAN ANDA.

2. PERSIAPAN KE MAKTAB

2.1. Pemeriksaan kesihatan

Pemeriksaan kesihatan boleh dibuat atas perbelanjaan sendiri di :

- a) Hospital Kerajaan / Swasta
- b) Klinik Kerajaan / Swasta

2.2. Sila lengkapkan borang-borang yang telah disediakan untuk diserahkan semasa hari pendaftaran (Sila **MUAT TURUN** Borang Pendaftaran MRSM)

PERKARA	LAMPIRAN
a) Surat Pengakuan Penerimaan/Penolakan Tawaran	A
b) Laporan Kesihatan	B1, B2, B3
c) Keizinan Pembedahan	C1, C2
d) Maklumat Peribadi	D
e) Keahlian Koperasi	E1, E2
f) Kebenaran Menyertai Aktiviti Maktab	F1, F2, F3
g) Keizinan Rawatan dan Pembedahan Gigi	G
h) Permohonan Bantuan Kewangan	H

2.3. Pada hari pendaftaran anda dikehendaki membawa perkara-perkara seperti yang berikut:

- a) Resit asal bukti pembayaran yuran pendaftaran.
- b) Salinan keputusan PT3 yang telah disahkan benar.
(Bagi kemasukan ke Tingkatan 4)
- c) Salinan keputusan UPSR yang telah disahkan benar.
(Bagi kemasukan ke Tingkatan 1)
- d) Salinan Sijil Kelahiran yang telah disahkan benar.
- e) Salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan benar.

- f) 12 keping gambar berukuran pasport yang bertulis Nama dan Nombor MyKad/MyKid anda di belakangnya.

3. PERATURAN PAKAIAN PELAJAR MRSM

Sila rujuk **Lampiran 1**.

Semua pelajar MRSM dikehendaki mematuhi peraturan pakaian yang telah ditetapkan oleh pihak MARA. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini. Antaranya termasuklah menamatkan pengajian di MRSM. Sekiranya peraturan ini dirasakan tidak dapat dipatuhi, pelajar dinasihatkan supaya tidak menerima tawaran kemasukan ke MRSM.

4. KEPERLUAN HARIAN

Pelajar dikehendaki membawa barang-barang keperluan harian yang lain untuk kegunaan di maktab. Rujuk **Lampiran 2**.

5. BUKU TEKS

Semua pelajar akan dibekalkan dengan buku teks secara pinjaman dan perlu dikembalikan kepada pihak maktab pada setiap akhir tahun.

6. TAMBANG (Bas/ Kereta api Sahaja)

6.1. PELAJAR SEMENANJUNG MALAYSIA

MARA hanya menanggung tambang bas ekspres atau kereta api untuk pelajar pulang ke rumah pada setiap cuti semester (dari maktab ke rumah sahaja). Tambang untuk mendaftar, pergi dan balik ke maktab selepas cuti adalah tanggungan sendiri.

6.2. PELAJAR YANG BERASAL DARI SEMENANJUNG MALAYSIA TETAPI IBU BAPA BERTUGAS DI SABAH ATAU SARAWAK.

Tambang untuk mendaftar, pergi dan balik semasa cuti semester adalah tanggungan sendiri.

6.3. PELAJAR YANG BERASAL DARI SABAH ATAU SARAWAK TETAPI IBU BAPA BERTUGAS DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

Tambang untuk mendaftar, pergi dan balik semasa cuti semester adalah tanggungan sendiri.

7. BAYARAN PERSEKOLAHAN DAN BANTUAN KEWANGAN

7.1. BAYARAN SEMASA PENDAFTARAN

Bayaran Pendaftaran sebanyak RM 333.00 hendaklah dibuat sebelum pendaftaran di MRSM dan hendaklah menggunakan No. Pelajar yang tertera di sudut atas kanan surat tawaran rasmi. Sila rujuk **lampiran 3** untuk mengetahui cara membuat bayaran.

BIL.	PERKARA	BAYARAN (RM)	CATATAN
1.	Yuran <i>Extra-Mural Recreation</i>	50.00	setahun
2.	Yuran Caruman	60.00	bulan pertama
3.	Insurans Kelompok	5.00	setahun
4.	Khidmat dobi	10.00	bulan pertama
5.	Saham Koperasi	21.00	setahun
6.	Yuran Muafakat	70.00	setahun
7.	Pakej Orientasi	20.00	sekali
8.	Majalah Maktab	20.00	setahun
9.	Yuran Komputer	50.00	sekali
10.	Yuran Badan Wakil Pelajar	7.00	setahun
11.	Bayaran Kertas Ujian	20.00	setahun
	JUMLAH	333.00	

7.2. BAYARAN TAMBAHAN BAGI MRSM PROGRAM SPMRSM IGCSE

BIL	PERKARA	YURAN
1.	Bayaran yuran Ujian Cambridge Checkpoint (Tingkatan 2)	GBP17.80 untuk satu subjek
2.	Bayaran yuran Peperiksaan Cambridge IGCSE (Tingkatan 4)	GBP49.10 untuk satu subjek

*Kadar yuran tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh Cambridge International Examination (CIE).

7.3. BERHENTI DARI MRSM

Sekiranya pelajar telah mendaftar diri di MRSM dan kemudiannya menarik diri atau berhenti, semua yuran yang telah dijelaskan **tidak akan dikembalikan**.

7.3. CARA MEMBUAT BAYARAN WANG CARUMAN

7.3.1. Bayaran boleh dibuat dalam bentuk Wang Tunai, atau Bank Draf atas nama **Majlis Amanah Rakyat** dan dibayar di pejabat MRSM berkenaan.

7.4. TUNGGAKAN YURAN

Sekiranya terdapat tunggakan yuran, MARA berhak:

- 7.4.1. Menahan slip keputusan peperiksaan dan sijil peperiksaan pelajar.
- 7.4.2. Menggantungkan persekolahan pelajar pada semester berikutnya.

7.5. BANTUAN KEWANGAN

****Pelajar yang memerlukan bantuan kewangan boleh memohon dengan mengisi Borang Permohonan Bantuan Kewangan BKM01 yang disertakan dalam Buku Panduan ini sebanyak 2 salinan dan serahkan kepada Pengetua MRSM berkenaan pada hari pendaftaran. Hanya pelajar yang layak sahaja akan diberi Bantuan Kewangan.**

8. PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG MAKTAB

Semua pelajar dikehendaki mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh MARA dan maktab. **(Sila rujuk Peraturan Maktab dalam Planner MRSM Kuala Krai)**

9. PROGRAM PENYESUAIAN DIRI BAGI PELAJAR BARU

Semua pelajar baru diwajibkan mengikuti Program Penyesuaian Diri yang diadakan di maktab.

10. UJIAN ASAS MATEMATIK

Semua pelajar baru perlu menduduki ujian asas Matematik yang akan dikendalikan oleh Jabatan Matematik. Pelajar diminta bersedia menduduki ujian ini.

PAKAIAN SERAGAM PELAJAR MRSM

Jenis-jenis pakaian dan masa pemakaian adalah seperti berikut;

Bil.	Jenis Pakaian	Kod Pakaian	
		Lelaki	Perempuan
1.	Pakaian Rasmi	Baju kemeja lengan panjang warna 'beige' muda, tali leher maktab. Seluar panjang warna coklat, kasut kulit / PVC warna hitam, stoking pendek warna hitam dan tanda nama.	Baju kurung warna 'beige' muda, kain kurung warna coklat, kasut kulit / PVC warna hitam, stoking pendek warna hitam dan tanda nama.
2.	Pakaian pilihan	Baju kemeja lengan panjang warna biru muda, tali leher maktab. Seluar panjang warna biru tua, kasut kulit / PVC warna hitam dan stoking pendek warna hitam.	Baju kurung warna biru muda, kain kurung warna biru tua, kasut kulit / PVC warna hitam dan stoking pendek warna hitam.
3.	Pakaian Sukan dan Permainan	'Tight' bawah lutut dan seluar pendek atau 'track bottom' warna gelap. Baju T rumah sukan atau Baju T tanpa cetak. Kasut sukan dan stoking.	'Track bottom' warna gelap, baju T rumah sukan atau baju T tanpa cetak berlengan panjang. Kasut sukan dan stoking.
4.	Pakaian Aktiviti Kokurikulum	Mengikut pakaian seragam yang ditetapkan atau baju T berkolar tanpa cetak, berseluar panjang, kasut sukan dan stoking.	Mengikut pakaian seragam yang ditetapkan atau baju kurung dan kain warna bebas atau baju T berkolar lengan panjang tanpa cetak, 'track bottom' warna gelap, kasut sukan dan stoking.
5.	Pakaian Pendidikan Jasmani	Baju T berkolar warna putih, 'track bottom' warna hitam / biru gelap, kasut kanvas warna putih dan stoking putih.	Baju T berkolar warna putih berlengan panjang, 'track bottom' warna hitam / biru gelap, kasut kanvas warna putih dan stoking putih.
6.	Pakaian Waktu Prep (Petang)	Pakaian rasmi atau pakaian pilihan maktab atau baju T atau baju kemeja dengan seluar panjang 'slacks', kasut dan stoking.	Pakaian rasmi atau pakaian pilihan maktab atau baju kurung warna bebas, kasut dan stoking.
7.	Pakaian Waktu Prep (Malam)	Baju Melayu warna putih atau baju kemeja, seluar 'slacks', kasut dan sarung kaki atau sandal.	Baju kurung warna bebas atau blaus berlengan dan skirt labuh bawah lutut (bagi bukan Islam), kasut dan sarung kaki atau sandal.
8.	Pakaian 'Outing'	Pakaian rasmi atau pakaian pilihan atau batik atau baju T rasmi maktab serta seluar panjang warna coklat atau biru tua, kasut kulit atau PVC warna hitam, stoking hitam dan tanda nama.	Pakaian rasmi atau pakaian pilihan atau batik rasmi maktab serta kasut kulit atau PVC warna hitam, stoking hitam dan tanda nama.
9.	Tutup Kepala	Songkok baldu berwarna hitam.	Tudung berwarna putih, berbentuk segi tiga di hadapan dan belakang serta dijahit di depan (bercantum).
10.	Pakaian Sembahyang Jumaat	Baju Melayu warna putih, sampung rasmi maktab, songkok baldu warna hitam. Kasut hitam dan sarung kaki.	

NOTA : Pelajar boleh mendapatkan pakaian seragam dan kelengkapan asrama di koperasi maktab.

PAKAIAN DAN KEPERLUAN HARIAN

BIL.	PERKARA	KUANTITI MINIMUM	WARNA/SAIZ
1.	Pakaian Seragam Persekolahan	2 pasang	Rujuk Lampiran 1
2.	Pakaian Kebangsaan/Melayu	2 pasang	Putih
3.	Kasut sekolah	1 pasang	Hitam (kulit, separuh kulit atau PVC), Kanvas tidak dibenarkan
4.	Sarung Kaki	2 pasang	Hitam
5.	Baju T (Sukan) berkolar. Baju T (sukan) berkolar bagi perempuan mestilah berlengan panjang	2 helai	Putih
6.	Seluar Sukan	1 helai	Warna gelap
7.	Kasut Sukan	1 pasang	Bebas
8.	Peralatan Sukan seperti kayu hoki, bola dll, jika ada	Bebas	Bebas
9.	Songkok (Lelaki Islam)	1 buah	Hitam
10.	Telekung Sembahyang (Perempuan Islam)	1 pasang	Putih
11.	Sejadah	1 helai	Bebas
12.	Al-Quran (pelajar Islam)	1 naskhah	Bebas
13.	Selipar	1 pasang	Bebas
14.	Bantal	1 biji	Berukuran standard
15.	Kain Cadar	2 helai	Beli di maktab berkenaan
16.	Sarung Bantal	2 helai	Beli di maktab berkenaan
17.	Kain Selimut	1 helai	Bebas
18.	Tuala Mandi	2 helai	Bebas
19.	Keperluan lain (berus gigi, ubat gigi, sabun, baldi dsbnya)	Bebas	Bebas
20.	Pakaian Harian Luar Waktu Persekolahan	3 pasang	Bebas (Jeans dan Corduroy tidak dibenarkan)
21.	Kain tudung/telekung mini (Perempuan Islam)	2 helai	Bebas

BARANG-BARANG SEPERTI YANG BERIKUT TIDAK DIBENARKAN DIBAWA KE MAKTAB :

- A. BARANG-BARANG KEMAS
- B. TELEFON BIMBIT
- C. BARANG-BARANG YANG BOLEH MENDATANGKAN BAHAYA DAN MENGANCAM KESELAMATAN.

CARA BAYARAN YURAN PENDAFTARAN PELAJAR BARU MRSM TINGKATAN 1 DAN 4

Bayaran yuran pendaftaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya seminggu sebelum pendaftaran dan dikenakan ke nombor akaun pelajar seperti yang dinyatakan di ruangan sebelah kanan atas Surat Tawaran pelajar. Contoh nombor akaun pelajar adalah seperti berikut :-

Contoh :

Bayaran pendaftaran untuk pelajar Mohd Afiq B Ahmad

No. Akaun Pelajar : 331220073035 **(No Akaun ditulis di penjurong atas sebelah kanan surat tawaran)**

Amaun bayaran yuran pendaftaran RM 333.00

Sila pastikan nombor akaun perseorangan pelajar yang digunakan adalah seperti yang tertera pada Surat Tawaran pelajar. Bayaran yuran pendaftaran boleh dibuat melalui kemudahan seperti berikut :-

Kemudahan / Perkhidmatan	Tempat Bayaran	Cara Bayaran	Jenis Dokumen sebagai bukti pengesahan bayaran
i. Kaunter Bayaran Tingkat 2, Ibu Pejabat MARA, K.Lumpur ii. Kaunter Bayaran Pejabat MARA Negeri iii. Kaunter Bayaran Pejabat MARA Daerah	MARA	Lengkapkan Borang Bayaran di kaunter bayaran MARA untuk membuat bayaran. Contoh Borang Bayaran adalah seperti di Lampiran 1 .	Borang Bayaran Di Kaunter MARA Resit Rasmi MARA
Kaunter Bank	BSN BIMB	Lengkapkan Slip Bayaran di kaunter BSN / BIMB di cawangan berdekatan untuk membuat bayaran	Slip Bayaran
Perbankan Internet *	Maybank CIMB BIMB Public Bank	Layari laman web bagi Perbankan Internet berikut untuk membuat bayaran :- 1) Maybank2u – http://www.maybank2u.com.my 2) CIMB – http://www.cimbclicks.com.my 3) BIMB – http://www.bankislam.com.my 4) Public Bank – http://www.PBebank.com	Cetakan skrin yang menunjukkan bukti pengesahan transaksi bayaran
ATM *	BIMB	Daftar pengguna baru & buat bayaran melalui ATM BIMB	Slip Bayaran
SMS *	BIMB	Daftar pengguna baru & buat bayaran melalui SMS	Cetakan Penyata Bank yang menunjukkan transaksi bayaran

- * Kemudahan **Perbankan Internet**, **ATM** dan **SMS** hanya disediakan untuk pemegang akaun bank terbabit sahaja. Panduan terkini bagi membuat bayaran melalui kemudahan bank boleh rujuk kepada Khidmat Pelanggan BANK berkenaan.

Bukti Pengesahan Bayaran

Sebagai bukti pengesahan bayaran yuran pendaftaran, sila bawa dokumen berikut semasa pendaftaran pelajar di kaunter-kaunter MRSM :-

- a) Salinan **asal** Resit Rasmi MARA / Dokumen pengesahan bayaran untuk pengesahan bayaran yuran pendaftaran; dan
- b) Salinan **fotostat** Resit Rasmi MARA / Dokumen pengesahan bayaran untuk diserahkan di kaunter-kaunter MRSM.

PANDUAN RINGKAS MEMBUAT BAYARAN MELALUI BANK

KAUNTER BANK (BSN DAN BIMB)

1. Pembayar lengkapkan Slip Bayaran Bil yang disediakan oleh pihak bank.
2. Isikan maklumat bayaran termasuk Nombor Kad Pengenalan dan nombor akaun pelajar pada ruangan yang disediakan. Pastikan nombor akaun pelajar adalah betul.
3. Serahkan Slip Bayaran kepada kerani kaunter bersama-sama wang tunai. Bagi BIMB, bayaran secara Debit Akaun Bank pembayar boleh dibuat di kaunter bank dengan menyerahkan Buku Bank bersama Slip Bayaran.
4. Satu salinan Slip Bayaran yang telah diproses akan dipulangkan kepada pembayar. Sila simpan Slip Bayaran sebagai rujukan serta bukti pengesahan bayaran.

PERBANKAN INTERNET (MAYBANK / CIMB / BIMB / PUBLIC BANK)

1. Pemegang akaun bank yang mempunyai kad ATM perlu mendapatkan Nombor PIN di mana-mana mesin ATM bank untuk mendaftar sebagai pengguna Internet bank terbabit.
2. Layari laman web perbankan Internet Maybank2u.com.my atau cimbclicks.com.my atau BankIslam.com.my untuk mendaftar sebagai pengguna baru perbankan Internet. Masukkan Nombor Kad ATM dan Nombor PIN di medan yang disediakan.
3. Setelah pengguna Internet didaftarkan, pilih skrin bagi membuat bayaran. Masukkan Username/UserID dan Password. Pilih MARA sebagai "Payee Corporation" dan seterusnya masukkan maklumat bayaran termasuk No. K/Pengenalan (Baru) dan No. Akaun Pelajar di medan yang disediakan.
4. Setelah maklumat disahkan, satu skrin yang memaklumkan transaksi bayaran berjaya dibuat akan dipaparkan. Cetak skrin tersebut untuk disimpan sebagai rujukan serta bukti pengesahan bayaran.

***Makluman Penting :**

1. **Perkhidmatan perbankan internet adalah tertakluk kepada syarat-syarat bank berkenaan.**
2. **Cara membuat pembayaran melalui perbankan internet kemungkinan terdapat perubahan tertakluk kepada perubahan yang dibuat oleh pihak BANK.**

3. **MARA TIDAK AKAN BERTANGGUNG JAWAB** terhadap sebarang kecuaiian dan kerugian semasa melakukan pembayaran atau transaksi perbankan internet ini.